

10 MAR 2001

Sukan-F1 (Tiket)

SIC YAKIN JUAL BAKI 60,000 TIKET UNTUK GP MALAYSIA

SEPANG, 10 Mac (Bernama) -- Sepang International Circuit (SIC), penganjur Grand Prix (GP) Malaysia Petronas 2001, tetap yakin dapat menjual baki 60,000 tiket menjelang perlumbaan itu Ahad depan.

Pengurus Besar SIC Azmi Murad berkata beliau yakin sasaran menjual 90,000 tiket dapat dicapai walaupun menyedari usaha itu sukar ketika perlumbaan akan berlangsung dalam tempoh tujuh hari lagi.

"Penjualan tiket menunjukkan peningkatan tetapi masih lagi rendah berbanding penjualannya dalam tempoh yang sama tahun lepas. Bagaimanapun, saya tetap optimistik sasaran 90,000 tiket akan dapat dijual.

"Persembahan memberangsangkan daripada kedua-dua pemandu Sauber Petronas pada saingan pembuka tirai di Melbourne baru-baru ini juga mampu menarik peminat tempatan untuk datang memberikan sokongan kepada mereka pada perlumbaan di Sepang," katanya.

Beliau ditemui di Litar F1 Sepang selepas menyaksikan raptai penuh upacara pembukaan GP Malaysia Petronas 2001 di sini hari ini.

Pada perlumbaan pembuka tirai di Albert Park, Melbourne, dua pemandu Sauber Petronas Nick Heidfeld dan Kimi Raikkonen, masing-masing mengutip tiga dan satu mata.

Terdahulu, penjualan tiket bagi perlumbaan musim ini ternyata jauh merosot apabila hanya 30,000 daripada 90,000 tiket, yang dijual setakat ini dan sekaligus SIC membuat keputusan tidak menyiarkan secara langsung perlumbaan itu melalui TV3.

Selain itu, Azmi berkata pembelian tiket oleh syarikat-syarikat korporat bagi "corporate suite" juga antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan penjualan tiket.

"Kami menyediakan 18 corporate suite dan sambutan daripada syarikat-syarikat korporat amat menggalakkan.

"Kami turut mendirikan 10 tempat menjual tiket di stesen-stesen minyak sepanjang lebuh raya ke Litar F1 Sepang dan satu pondok di kawasan rehat dan rawat di Dengkil," katanya.

Malaysia akan menjadi tuan rumah pusingan kedua daripada 17 pusingan Kejuaraan F1 Dunia, dari 16 hingga 18 Mac.

Sementara itu, upacara pembukaan GP Malaysia Petronas 2001 akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 18 Mac.

Antara acara menarik pada upacara pembukaan itu ialah perarakan kesemua 22 pemandu F1 di atas kereta berhias) dan pertunjukan udara daripada Tentera Udara DiRaja Malaysia.

-- BERNAMA

ERE DC RON